

BAHAGIAN 1: PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PENERAJU TUNAS POTENSI

- A. PEMBIAYAAN PENDIDIKAN
- B. INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
- C. BIDANG TAJAAN
- E. LAIN-LAIN

BAHAGIAN 2: PERMOHONAN & SESI PENILAIAN DAN TEMUDUGA

- A. PERMOHONAN
- B. SESI PENILAIAN DAN TEMUDUGA
- C. ELAUN PERJALANAN
- D. KEPUTUSAN

BAHAGIAN 1: PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PENERAJU TUNAS POTENSI 7 (2018)

A. PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

1. Apakah pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi 7 (2018)?

Program ini merupakan satu program pembiayaan pendidikan untuk pelajar lepasan SPM/STPM 2017 yang berpotensi, berpendapatan isi rumah rendah dari latar belakang yang mencabar bagi mendapatkan pendidikan tertiar berkualiti.

Pembiayaan ini terbuka kepada pelajar yang berminat untuk menyambung pelajaran di peringkat pengajian asas dan ijazah sarjana muda (bagi lepasan SPM) / ijazah sarjana muda (bagi lepasan STPM) bagi kursus-kursus di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seperti yang tersenarai di dalam 'SENARAI KURSUS, INSTITUSI DAN KELAYAKAN MINIMA'. Tawaran pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi ini meliputi yuran akademik, yuran tempat tinggal, elaun buku, dan elaun sara hidup. Pelajar juga dikehendaki mengikuti Program Pemupukan dan Pembangunan Pelajar anjuran Yayasan Peneraju sekali setahun semasa cuti semester sepanjang tempoh pengajian.

Penempatan dan pendaftaran bagi kursus dan institusi pilihan pelajar yang berjaya mendapat pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi akan diuruskan oleh pihak Yayasan Peneraju. Pelajar hanya perlu membuat pilihan pengajian yang diinginkan di dalam borang permohonan atas talian.

Nota : Pelajar yang memohon tajaan di Multimedia University (MMU) akan diberi peluang untuk mendapatkan tajaan dari Yayasan Telekom Malaysia (YTM).

2. Berapakah kadar pembiayaan pendidikan yang diperolehi oleh penerima Peneraju Tunas Potensi 7 (2018)?

Kadar pembiayaan pendidikan setiap pelajar berbeza mengikut bidang, tempoh dan tempat pengajian. Pelajar yang layak akan mendapat pembiayaan pendidikan yang merangkumi yuran akademik, elaun buku, elaun sara hidup, elaun penginapan dan Program Pemupukan dan Pembangunan Pelajar. Kadar pembiayaan pendidikan yang lebih lengkap akan dimaklumkan kepada pelajar dalam surat tawaran.

Yuran pengajian bagi pelajar yang memohon tajaan di UNIRAZAK dan UNITAR adalah daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN). Pelajar ini dikehendaki menandatangani perjanjian dengan PTPTN dan menguruskan pembayaran yuran pengajian sendiri kepada institusi. Sekiranya pelajar bergraduasi dengan CGPA 3.0 ke atas dan setaraf dengannya, pihak Yayasan Peneraju akan membayar ke semua jumlah pinjaman pelajar kepada pihak PTPTN.

Sekiranya pelajar bergraduasi dengan CGPA 2.99 dan ke bawah, pelajar perlu membayar balik 20% daripada yuran pengajian kepada PTPTN dan selebihnya (80%) akan dibayar oleh Yayasan Peneraju. Sekiranya pelajar gagal bergraduasi atau bergraduasi di luar tempoh yang ditetapkan, pelajar perlu membayar balik keseluruhan jumlah yang dipinjam daripada PTPTN.

3. Apakah yang dimaksudkan dengan Program Pemupukan dan Pembangunan Pelajar?

Pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi bukan berbentuk kewangan sahaja tetapi ianya meliputi Program Pemupukan dan Pembangunan Pelajar atau lebih dikenali dengan Nurture and Development Programme (NDP). Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan sahsiah diri, kemahiran komunikasi, dan menerapkan sifat-sifat kepimpinan dan daya saing dalam diri pelajar. Program ini diwajibkan kepada setiap penerima Peneraju Tunas Potensi dan akan diadakan pada cuti semester sekali setahun.

4. Adakah pelajar di bawah tajaan Peneraju Tunas Potensi 7 (2018) dikehendaki berkhidmat dengan pihak Yayasan Peneraju selepas tamat tempoh pengajian?

Tidak. Para penerima pembiayaan pendidikan di bawah program Peneraju Tunas Potensi tidak diwajibkan untuk berkhidmat di Yayasan Peneraju Walau bagaimanapun, terdapat bon perkhidmatan di mana pelajar perlu berkhidmat di mana-mana organisasi atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat awam atau swasta yang berdaftar di Malaysia sebaik sahaja menyempurnakan kursus pengajian sekurang-kurangnya untuk 3-5 tahun.

Nota : Pelajar yang berjaya mendapat tajaan Yayasan Telekom Malaysia (YTM) akan mempunyai bon perkhidmatan dengan syarikat Telekom Malaysia (TM) tertakluk kepada terma dalam surat perjanjian.

B. INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

1. Adakah pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi 7 (2018) hanya menaja pelajar ke IPTS?

Ya, kerana Yayasan Peneraju akan menentukan bidang pengajian, kos dan penempatan yang sesuai berdasarkan profil calon yang dinilai semasa temuduga.

2. Bolehkan saya memohon pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi 7 (2018) untuk belajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)?

Tidak. Program ini hanya layak untuk kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sahaja.

3. Adakah saya perlu membuat permohonan sendiri di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)?

Tidak. Pihak Yayasan Peneraju akan membuat penempatan bagi pelajar-pelajar yang berjaya menerima tajaan pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi.

Bagi program-program yang mempunyai temuduga sebelum mendapat penempatan, calon perlu melepasi ujian kelayakan/sesi temuduga yang ditetapkan oleh pihak universiti. Pihak Yayasan Peneraju akan menguruskan sesi ujian kelayakan/sesi temuduga pelajar dengan institusi terbabit. Pelajar hanya perlu menghadiri ujian kelayakan/sesi temuduga di institusi terbabit apabila dimaklumkan oleh pihak institusi/Yayasan Peneraju.

4. Adakah saya perlu mendapat tawaran dari IPTS untuk memohon pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi 7 (2018)?

Tidak. Bagi pelajar yang berjaya mendapat pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi, pihak Yayasan Peneraju akan menguruskan pendaftaran dan penempatan pelajar di IPTS.

5. Saya telah mendapat tawaran untuk belajar di salah satu Institusi Pengajian Tinggi di dalam / luar negara, bolehkah pihak Yayasan Peneraju menaja pengajian saya?

Tidak. Penempatan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi tempatan dan luar negara akan ditetapkan oleh pihak Yayasan Peneraju berdasarkan keputusan akademik pelajar dan profil pelajar yang dinilai semasa temuduga.

6. Bagaimana jika saya berminat untuk belajar ke luar negara?

Pelajar perlu memilih program pengajian ke luar negara dan memenuhi syarat tajaan Yayasan Peneraju iaitu mencapai CGPA 3.3 atau second class upper atau setaraf dengannya sebelum ditaja untuk menyambung pelajaran di luar negara. Syarat menyambung pengajian tertakluk kepada Yayasan Peneraju.

Terdapat tiga jenis kursus pengajian dibawah program ke luar negara:

(a) American Degree Transfer Program

Dua (2) Tahun di Malaysian dan dua (2) hingga dua setengah (2 ½) tahun di Amerika Syarikat dengan syarat mendapat penempatan di universiti-universiti di Amerika Syarikat yang di kategorikan antara 50 universiti teratas di dunia (QS World Ranking).

(b) Program berkembar atau 'Twinning Programme'

Program dimana pelajar perlu menyempurnakan peringkat Pengajian Asas, tahun 1 dan 2 kursus pengajian ijazah sarjana muda di Malaysia dan Tahun 3 dan 4 di universiti 100 teratas di dunia (QS World Ranking).

(c) Program A'Level

Program Pengajian Asas selama 2 tahun. Pelajar perlu mendapat penempatan di 50 universiti teratas di dunia (QS World Ranking).

7. Saya masih kurang jelas mengenai program luar negara (Twinning programme). Boleh pihak Yayasan Peneraju menjelaskan dengan lebih lanjut?

Pelajar perlu mengambil pengajian asas/A-Level dan beberapa tahun Sarjana Muda di Institusi tempatan. Untuk baki pengajian seterusnya, pihak Yayasan Peneraju akan menghantar pelajar ke luar negara jika memenuhi syarat Yayasan Peneraju.

8. Apakah kesan jika pelajar program luar negara (Twinning programme) tidak memenuhi syarat akademik semasa sarjana muda di institusi tempatan? Adakah pelajar tidak berpeluang untuk sambung belajar?

Pelajar tidak dibenarkan untuk sambung ke luar negara dan pelajar perlu meneruskan pengajian di dalam negara di institusi tempatan yang ditetapkan oleh Yayasan Peneraju.

C. BIDANG TAJAAN

1. Apakah bidang-bidang pengajian di bawah pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi 7 (2018)?

Kejuruteraan, Kewangan, Akaun, Ekonomi, Pemasaran dan Teknologi. Berdasarkan senarai kursus dan institusi yang dimuatnaik di laman sesawang Yayasan Peneraju.

2. Adakan pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi menaja pengajian perubatan / pergigian / undang-undang / seni bina?

Tidak.

D. LAIN-LAIN

1. Adakah pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi 7 (2018) terbuka kepada pelajar lepasan STAM?

Tidak. Pihak Yayasan Peneraju tidak mempunyai kursus yang bersesuaian untuk pelajar lepasan STAM.

A. PERMOHONAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Surat Testimoni Sekolah / Letter of Recommendation?

Surat Testimoni Sekolah merupakan sijil / suratakuan ringkasan mengenai pelajar, aktiviti kokurikulum dan ulasan oleh pengetua/cikgu mengenai pelajar. Dokumen ini wajib (jika ada) - jika sekolah ada dan telah mengeluarkan dokumen tersebut sahaja.

Letter of Recommendation merupakan surat sokongan dari pihak sekolah yang menjelaskan kenapa pihak sekolah menyokong permohonan pelajar untuk diberi peluang mendapat tawaran pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi. Surat boleh ditulis di dalam Bahasa Melayu / Inggeris. WAJIB bagi pemohon kursus pengajian ke luar negara sahaja.

2. Saya telah memohon menggunakan keputusan percubaan SPM/STPM. Bolehkah saya cuba memohon sekali lagi menggunakan keputusan SPM/STPM yang sebenar (sekiranya permohonan menggunakan keputusan percubaan tidak berjaya)?

Pelajar hanya boleh memohon sekali sahaja. Pelajar hanya perlu mengemaskini keputusan SPM/STPM sebenar apabila keputusan telah diumumkan. Untuk pengetahuan pelajar, Yayasan Peneraju akan menilai untuk pengambilan pelajar dari kedua-dua keputusan (percubaan/sebenar).

B. SESI PENILAIAN DAN TEMUDUGA

1. Adakah saya perlu membawa alat tulis?

Ya. Anda hanya perlu membawa sekurang-kurangnya sebatang pen untuk menulis esei.

2. Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa Sesi Penilaian dan Temuduga?

Dokumen yang perlu dibawa semasa sesi penilaian dan temuduga akan dimaklumkan dalam e-mel sekiranya berjaya di panggil ke sesi temuduga.

4. Adakah Ibu Bapa saya boleh hadir ke Sesi Penilaian dan Temuduga?

Hanya salah seorang ibu atau bapa / seorang penjaga sahaja digalakkan untuk hadir bagi mendengar taklimat daripada Yayasan Peneraju kepada pelajar kerana ruang menunggu adalah terhad. Kehadiran ibu bapa / penjaga adalah TIDAK WAJIB.

5. Pakaian semasa Sesi Penilaian dan Temuduga?

Calon dikehendaki untuk berpakaian formal dan sopan.

Lelaki - Seluar panjang dan baju kemeja.

Perempuan – Baju kurung / *Blouse* dan seluar atau skirt panjang.

6. Bolehkah saya menangguhkan Sesi Penilaian dan Temuduga?

Penangguhan tertakluk kepada budi bicara Yayasan Peneraju. Calon dikehendaki menghantar emel dengan format surat rasmi dengan menyatakan sebab-sebab penangguhan. Tempat penilaian dan temuduga adalah ditetapkan oleh pihak Yayasan Peneraju.

7. Adakah saya dibenarkan untuk menukar kursus dan institusi pilihan saya semasa Sesi Penilaian dan Temuduga?

Ya, boleh. Dengan syarat anda memenuhi syarat kelayakan dan membuat pilihan daripada senarai kursus dan institusi di bawah tajaan Yayasan Peneraju sahaja.

8. Ibu / Bapa / Ibu dan Bapa saya tidak mempunyai sijil kelahiran kerana telah hilang / rosak. Apakah yang harus saya lakukan?

Sekiranya Ibu / Bapa anda tidak mempunyai sijil kelahiran kerana telah hilang / rosak, Ibu / Bapa anda boleh mendapatkan salinan baru atau membuat cabutan di Jabatan Pendaftaran Negara yang terdekat.

9. Saya tidak dapat menyediakan dokumen yang diminta oleh pihak Yayasan Peneraju, apa yang perlu saya lakukan?

Sila sediakan surat / nota makluman kepada pegawai Yayasan Peneraju mengenai sebab-sebab anda tidak dapat menghantar dokumen yang telah diminta.

C. ELAUN PERJALANAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan elaun perjalanan?

Pihak Yayasan Peneraju menyediakan elaun perjalanan kepada calon yang disenarai pendek untuk ke sesi penilaian dan temuduga pembiayaan pendidikan Tunas Potensi. Elaun perjalanan akan diberikan berdasarkan jarak tempat tinggal calon ke lokasi sesi Penilaian dan Temuduga yang melebihi 50 km. Kadar elaun perjalanan hanya merangkumi perjalanan darat dan air untuk calon sahaja.

2. Berapakah kadar elaun perjalanan yang diberikan?

Kadar elaun berbeza mengikut lokasi dan berdasarkan kepada harga tiket bas.

3. Bilakah saya akan mendapat elaun perjalanan tersebut?

Elaun perjalanan akan dimasukkan ke dalam akaun bank calon dalam jangka masa 3 bulan selepas sesi Penilaian dan Temuduga.

D. KEPUTUSAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN TUNAS POTENSI

1. Bilakah keputusan calon yang berjaya mendapat pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi 7 (2018) akan diumumkan?

Calon yang berjaya mendapat pembiayaan pendidikan Tunas Potensi akan dimaklumkan secara berperingkat bermula bulan April sehingga Julai. Calon yang tidak menerima sebarang makluman selepas 6 bulan tarikh temuduga adalah dianggap tidak berjaya dalam program ini. Pihak Yayasan Peneraju berhak menukarkan pelajar untuk ke program lain yang bersesuaian selepas tempoh tersebut.

2. Bagaimanakah calon yang berjaya mendapat pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi 7 (2018) akan dimaklumkan?

Calon yang berjaya akan dimaklumkan melalui panggilan telefon dan emel.

*Calon dinasihatkan peka terhadap panggilan telefon dan emel sepanjang tahun untuk kemudahan pihak Yayasan Peneraju menghubungi pelajar jika terdapat sebarang makluman.

3. Bolehkah saya membuat rayuan?

Tidak. Keputusan pihak Yayasan Peneraju adalah muktamad.

4. Jika saya terlepas panggilan daripada Yayasan Peneraju, apa tindakan sewajarnya untuk saya lakukan?

Pelajar boleh emelkan kepada ptp@yayasanpeneraju.com.my untuk sebarang pertanyaan. Pihak kami akan menghubungi semula jika terdapat sebarang perkara penting yang perlu diuruskan segera.

5. Bagaimana jika saya mahu mengemaskini nombor telefon jika permohonan atas talian telah ditutup?

Pelajar boleh emelkan ke Yayasan Peneraju dan sertakan nombor telefon yang terkini untuk dikemaskini di dalam sistem.